

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH  
[ LENGGONG ]

**TARIKH :** 20 MAC 2019 | RABU

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme terbaik yang telah direncana oleh Kementerian bagi melaksanakan kaedah pemberian subsidi untuk jemaah haji yang membuat rayuan kali pertama atau pengiring mahram untuk menunaikan Rukun Islam Kelima tersebut.

**JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, semua jemaah haji muassasah yang menunaikan haji kali pertama layak untuk menerima bantuan subsidi daripada Tabung Haji, termasuk pengiring dan mereka yang merayu bagi tahun ini.

Keputusan ini telah dimuktamadkan dan diumumkan pada 28 Februari 2019 selepas mengambilkira pelbagai aspek termasuk keupayaan dan kedudukan unjuran kewangan Tabung Haji bagi tahun 2019.

Sehubungan itu, Bayaran Haji bagi jemaah haji Muassasah yang layak menerima subsidi seperti di atas untuk Musim Haji 1440 Hijrah adalah RM9,980.